

NO. KAD PENGENALAN /
NO. SIJIL KELAHIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
UPSR
MATEMATIK
KERTAS 2
2019**

015/2

1 Jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Anda dikehendaki menulis nombor kad pengenalan / nombor sijil kelahiran dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi 15 soalan.
3. Jawab semua soalan.
4. Tunjukkan langkah-langkah penting. Ini boleh membantu anda untuk mendapatkan markah.
5. Sekiranya anda hendak memukar jawapan, padamkan jawapan yang telah dibuat. Kemudian tuliskan jawapan yang baru.
6. Kertas soalan ini hendaklah diserahkan di akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Kod Pemeriksa :		
Soalan	Markah Penuh	Markah Diperolehi
1	3	
2	3	
3	4	
4	4	
5	4	
6	5	
7	4	
8	4	
9	5	
10	5	
11	4	
12	3	
13	3	
14	5	
15	4	
Jumlah	60	

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak

015/2

SULIT
[Lihat halaman sebelah
MATE (K2) PERCUBAAN THN 6 2019

SULIT

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

015/2

(60 markah)
Jawab **semua** soalan

- 1 Rajah 1 menunjukkan sekeping kad nombor.

2.467 juta

Rajah 1

1 (a)



- (a) Nyatakan nilai digit bagi digit 6.

[1 markah]

.....

- (b) Cari selisih antara nombor pada kad di atas itu dengan 16 ribu.

[2 markah]

1 (b)




Jumlah
1



SULIT

- 2 Rajah 2 menunjukkan tiga keping kad yang sama saiz.



Rajah 2

- (a) Nyatakan pecahan tak wajar bagi kawasan yang berlorek. [1 markah]

2 (a)



- (b) Berapakah lagi petak yang perlu dilorek supaya menjadi $2\frac{1}{5}$? [2 markah]

2 (b)



Jumlah
2



SULIT

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

015/2

- 3 Jadual 1 menunjukkan isi padu jus oren dalam tiga bekas.

Bekas	Isipadu
P	1.3 ℓ
Q	$1\frac{1}{5}$ daripada isi padu jus P
R	1.5 ℓ

Jadual 1

- (a) Hitung isi padu dalam liter, bekas Q. [2 markah]

3 (a)



- (b) Semua jus daripada bekas P, Q dan R dimasukkan ke dalam sebuah jag besar. 0.36 liter telah tumpah. Berapakah bakinya ? Beri jawapan dalam liter. [2 markah]

3 (b)



Jumlah
3



SULIT

- 4 Ariesya tiba di sebuah pasaraya pada pukul 10.10 pagi.
Dia berada di pasaraya selama 1 jam 40 minit.
Dia mengambil masa perjalanan selama $\frac{3}{4}$ jam untuk pulang ke rumah.

- (a) Pukul berapakah, Ariesya tiba di rumahnya ?

[2 markah]

- (b) Pada pukul 3.20 petang, dia mendapat panggilan telefon daripada kakaknya yang berada di Madinah.
Beza masa di antara rumahnya dengan Madinah yang terletak di sebelah barat Malaysia ialah 5 jam.
Pukul berapakah waktu di Madinah ?

[2 markah]

015/2

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

4 (a)



4 (b)



Jumlah
4



SULIT

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

015/2

5

Jadual 2 menunjukkan pecahan gula-gula berperisa coklat dan strawberi. Pecahan gula-gula berperisa kopi tidak dinyatakan.

Gula-gula	Pecahan
Coklat	$\frac{1}{2}$
Strawberi	$\frac{2}{5}$
Kopi	

Jadual 2

Jumlah bilangan gula-gula ialah 350 biji.

- (a) Cari pecahan bagi gula-gula kopi daripada jumlah semua gula-gula. [2 markah]

5 (a)



5 (b)



Jumlah
5



SULIT**015/2**

- 6 Rajah 3 menunjukkan dua jenis jenama jam tangan di sebuah kedai jam. Setiap pelanggan yang membeli kedua-dua jenama jam tangan ini akan mendapat 20% diskaun.



Jenama A
RM380



Jenama B
RM470

Rajah 3

- (a) Puan Farah membeli jam tangan Jenama A. Kira wang yang telah dijimatkan. [2 markah]
- (b) Harga kos bagi jam Jenama B ialah RM305. Jika pemilik kedai jam menjual sebuah jam tangan Jenama B, kira untung yang diperolehinya. [3 markah]

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

6 (a)



6 (b)



Jumlah
6



SULIT

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

015/2

- 7 Rajah 4 menunjukkan bilangan gula-gula di dalam dua buah bekas.



Bekas P
324 biji



Bekas Q
128 biji

Rajah 4

- (a) Berapakah lebihnya bilangan gula-gula dalam Bekas P daripada Bekas Q ? [2 markah]

7 (a)

2

- (b) Berapakah bilangan gula-gula di dalam Bekas P yang perlu dimasukkan ke dalam Bekas Q agar bilangan gula-gula di dalam kedua-dua bekas menjadi sama banyak ? [2 markah]

7 (b)

2

Jumlah
7

4

SULIT**015/2**

- 8 Jadual 3 menunjukkan bilangan murid lelaki dan murid perempuan di dalam tiga buah kelas Tahun 4.

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

Kelas	4 Alpha	4 Beta	4 Gamma
Lelaki	8	10	18
Perempuan	22	15	7

Jadual 3

- (a) Kira peratusan murid perempuan daripada jumlah semua murid Tahun 4. [2 markah]

8 (a)

	2

- (b) 20% daripada murid Kelas 4 Beta memakai cermin mata.
Berapakah bilangan murid kelas 4 Beta yang memakai cermin mata? [2 markah]

8 (b)

	2

Jumlah
8

	4